

Preve tidak gentar hadapi persaingan

Utusan 31/1/13 MSH

Oleh NORILA DAUD

KEJAYAAN yang ditempa oleh pembuat kereta nasional, PROTON Holdings Berhad (PROTON) hari ini adalah berkat daripada kesungguhan, komitmen dan sikap tanggungjawab pucuk pimpinan syarikat itu bersama-sama kakitangannya untuk membawa jenama Proton sentiasa dekat di hati para pelanggan tempatan dan seterusnya ke persada antarabangsa.

PROTON yang diperbadankan pada tahun 1983, melangkah perlahan-lahan tetapi dengan penuh keyakinan menerokai dunia pembuatan automobil yang pertama diusahakan oleh anak-anak tempatan. Untuk itu, sekaliung tahniah diberikan kepada 'Bapa Pembangunan PROTON' iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang secara berterusan memberi sokongan kepada kemajuan PROTON.

Walaupun terpaksa mengharungi onak dan duri dalam perjalanannya sebagai syarikat pengeluar kereta nasional pertama di Malaysia dan Asia Tenggara, hari ini PROTON telah mengeluarkan 15 model dengan jumlah jualan melebihi tiga juta buah kenderaan di seluruh negara dan pasaran antarabangsa.

Belajar daripada pengalaman lalu, PROTON bertindak untuk melakukan pembaharuan dan inovasi dengan penggunaan teknologi terkini pada model-model baharunya supaya kekal relevan dalam industri automobil negara. PROTON seterusnya menahyut cabaran daripada pesaing-pesaingnya dengan melancarkan Proton Preve, iaitu sedan keluarga terbaharu yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut.



ABDUL RASHID MUSA

mengeluarkan sebanyak 150,000 buah kereta setahun dalam operasi dua syif setiap hari. Buat masa ini, kilang tersebut digunakan oleh PROTON untuk memasang model Proton Persona dan Proton Gen 2 (untuk pasaran eksport) di samping Proton Preve.

Menyentuh kekuatan Proton Preve yang diklasifikasikan sebagai kereta global, Abdul Rashid memberitahu, banyak kekuatan teknikal terdapat pada kereta ini, pertama daripada segi pembuatan komponennya yang telah melalui ujian simulasi lebih ketat mengikut piawaian antarabangsa. Daripada beberapa ujian simulasi, mutu dan ketepatan yang diperlukan boleh dicapai sehingga 80 peratus berbanding proses *trial and error* sebelum ini di mana kualiti yang diperlukan hanya mencapai 50 peratus.

"Pihak kami juga membenarkan penglibatan para vendor di peringkat awal pembangunan model tersebut bagi memastikan cadangan balas dan input



SETIAP Proton Preve akan melalui ujian kawalan kualiti yang diadaptasi berdasarkan pengalaman pengeluar OEM lain dalam Kumpulan DRB-HICOM bagi memastikan tahap kualiti produk.

Jerman yang diberi nama *hot press forming* atau HPF. Kaedah ini hanya digunakan di lima negara termasuk China, Korea, Jepun, Jerman dan Malaysia.

Menjelaskan kaedah ini, Abdul Rashid berkata, melalui penggunaan teknologi HPF, kekuatan besi kerangka pada kereta meningkat daripada 300 mega pascal kepada 1,500 mega pascal. Terdapat lebih kurang 12 bahagian kereta Preve yang menggunakan besi yang dibentuk teknologi HPF ini (iaitu melebihi sesetengah kereta buatan Eropah) dan komponen-komponen HPF tersebut dihasilkan oleh sebuah lagi anak syarikat PROTON yang turut bertapak di Tanjung Malim.

"Berikutan kekukuhannya, hanya

pemanduan ditambah dengan *mode sport* yang merancakkan pecutan Proton Preve sehingga 180km/jam dengan pantas.

Yang lebih penting daripada itu ialah walaupun Preve dipandu laju sekitar 120km hingga 160km/jam pada hampir-hampir keseluruhan perjalanan, tetapi penjimatan minyak dapat dirasakan kerana hanya suku tangki digunakan untuk sekali perjalanan hampir mencecah 150 kilometer.

Menurut Abdul Rashid, prestasi pemanduan hanyalah salah satu daripada ciri-ciri yang boleh dibanggakan pada model Preve. Aspek-aspek seperti reka bentuk, keselamatan dan keselesaan penumpang juga diutamakan, malah PROTON turut mengambil pendekatan

syarikat tersebut.

Sehubungan itu, Ketua Sektor Operasi Teknikal, PROTON, Abdul Rashid Musa berkata, kesemua model baharu Proton (merujuk kepada kereta) dibuat dan dipasang di kilang pemasangannya di Tanjung Malim dengan melalui empat proses utama iaitu *Stamping*, Bahagian Pembuatan Badan (*Body Shop*), Mengecat (*Painting*) dan Pemasangan Peringkat Akhir (*Final Assembly*).

Dengan kapasiti sedia ada, kilang tersebut mampu



memasukkan cadangan balas dan input yang penting diperoleh untuk membaiki mutu sesuatu komponen sebelum dihasilkan secara komersial. Mereka juga terlibat di peringkat reka bentuk, menguji dan memajukan komponen kereta," katanya kepada *Utusan Malaysia* di kilang PROTON Tanjung Malim, baru-baru ini.

"Sebanyak 10 peratus dari 238 vendor juga terlibat dalam proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sesuatu projek kereta," katanya.

Mengenai teknologi tinggi yang digunakan dalam pemasangan Proton Preve, Abdul Rashid memberitahu, terdapat 203 buah mesin robotik di kilang pemasangan Tanjung Malim dengan 157 mesin robotik ditempatkan di bahagian membuat badan (*body shop*). Dengan jumlah itu, sebanyak 60 peratus bahagian sesebuah Proton Preve dibuat oleh mesin robotik dengan melibatkan 2,400 titik pemateri. Penggunaan mesin robotik menjamin piawaian mutu mengikut standard antarabangsa kerana hasilnya dipantau oleh bacaan komputer.

Selain daripada itu mesin robotik juga digunakan di bahagian pemasangan badan Preve, (*assembly line*) termasuk di bahagian mengecat, pemasangan badan, dan pemasangan peringkat akhir. Preve juga merupakan model pertama Proton yang menggunakan kaedah teknologi

berikutan kekukuhannya, hanya selapis besi keluli tersebut digunakan untuk bahagian-bahagian berkenaan berbanding tiga lapis sebelum kaedah itu diperkenalkan. Penggunaan selapis besi keluli mengurangkan berat kenderaan sekali gus meningkatkan prestasi kereta Preve. Struktur besi keluli yang kukuh itu juga tidak memudahkannya untuk bengkok akibat pelanggaran dengan kenderaan lain," jelasnya.

Di kawasan kilang di Tanjung Malim itu, wartawan Utusan dan dua penulis blog telah dipelawa untuk menguji pemanduan dan pengendalian Proton Preve, hasil penggarapan teknologi *ride and handling* yang dibangunkan oleh Lotus Engineering. Prestasi Preve telah dibandingkan dengan dua lagi kereta pesaing dalam ujian membelok di celah-celah beberapa kon dan juga memberhentikan kenderaan secara mengejut pada kelajuan 100 kilometer (km)/jam.

Dalam ujian itu, ternyata prestasi Proton Preve adalah lebih baik berbanding kereta-kereta pesaing yang berada dalam segmen yang sama.

Sewaktu Proton Preve dipandu uji dari Pusat Kecemerlangan Proton di Shah Alam hingga ke Bandar Proton, Tanjung Malim pula didapati mutu pemanduan dan pengendaliannya di jalan raya amatlah kukuh, stabil dan cemerlang terutama ketika mengambil selekoh. Penggunaan *pedal shift* juga menyeronokkan

PROTON turut mengambil pendekatan peningkatan kualiti produk yang berterusan bagi model ini dengan mendengar pandangan dan maklum balas daripada pelanggan.

"Semenjak ia dilancarkan pada bulan April 2012, tumpuan kami tidak sekadar pada jualan semata-mata, malah PROTON juga mengambil kira setiap maklum balas pelanggan tentang model ini dan maklum balas ini telah kami terjemahkan kepada peningkatan kualiti yang berterusan bagi Preve. Memandangkan pada hari ini PROTON juga adalah sebahagian daripada ahli keluarga DRB-HICOM Bhd. (DRB-HICOM), maka kepakaran dan pengalaman DRB-HICOM dalam memasang kereta-kereta berjenama dari Jerman dan Jepun juga dapat dimanfaatkan dalam memastikan kawalan kualiti yang lebih ketat bagi kereta keluaran PROTON di setiap peringkat pengeluaran, sama ada sebelum, sewaktu dan setelah dikilangkan.

"Kami prihatin dan sentiasa mendengar setiap maklum balas pelanggan dan inilah yang mendorong kami untuk memastikan model ini menjadi lebih baik dari semasa ke semasa," katanya lagi.

Setelah memandu uji Proton Preve, maka bolehlah dirumuskan bahawa mutu pengendalian dan prestasinya di jalan raya amat memuaskan dan maka itu membeli Proton Preve juga akan membanggakan pemiliknya.